

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI ZAKARIA  
[ PARIT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) berapa jumlah kerugian yang telah ditanggung oleh syarikat penerbangan di Malaysia kesan daripada pandemik COVID-19; dan
- (b) adakah syarikat penerbangan ini mampu bertahan sekiranya pandemik ini berlarutan.

**JAWAPAN**

**Yang Dipertua,**

1. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi separuh pertama tahun 2020, secara keseluruhannya anggaran kerugian yang ditanggung oleh syarikat penerbangan di Malaysia ekoran penularan wabak COVID-19 adalah berjumlah RM 4.96 billion.
2. Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa 3 tahun untuk pulih sepenuhnya dari impak wabak COVID-19, tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara. Walau bagaimanapun, sekiranya pandemik ini berlarutan, syarikat penerbangan akan menghadapi cabaran getir untuk terus bertahan.

Sekian, terima kasih.